

LANGKAH KESELAMATAN

Jika anda adalah mangsa penderaan dalam, sekarang adalah masa yang tepat untuk anda mengambil langkah keselamatan.

- Simpan barang-barang seperti kunci rumah, dokumen-dokumen penting, ubat-ubatan dan duit kepada orang yang anda percayai
- Simpan bukti-bukti penderaan seperti gambar kesan luka dan baju sewaktu kejadian berlaku.
- Rancang masa yang sesuai untuk anda melepaskan diri.
- Kenalpasti hala tuju yang akan anda pergi untuk mendapatkan bantuan. Contohnya, beritahu rakan terdekat apa yang berlaku. Anda haruslah peka terhadap nombor telefon rakan-rakan, keluarga dan polis.
- Hubungi polis jika anda dalam bahaya atau memerlukan pertolongan.
- Jika anda cedera, pergi ke hospital dengan segera atau dapatkan khidmat rawatan doctor.
- Rancang keselamatan anda dengan anak-anak supaya mereka boleh pergi ke tempat yang selamat. Ajar mereka untuk mendapatkan bantuan.
- Hubungi CCWRC talian online 24 jam untuk mendapatkan maklumat tentang servis yang ada bagi anda untuk mendapatkan bantuan.

Ingatlah- Membiarkan pendera bebas adalah sangat berbahaya.

Khidmat CCWRC

Talian 24 jam: Kumpulan kaunseling, dan bantuan rawatan ditawarkan sepanjang waktu.

Perlindungan: Tempat yang selamat disediakan untuk mangsa yang didera.

Khidmat Kaunseling: Untuk membantu individu mengenalpasti pilihan yang ada, menyediakan kumpulan sokongan, dan juga membantu mangsa untuk mencapai matlamat bebas didera.

Kumpulan Sokongan: Tempat yang selamat disediakan supaya mangsa dapat berkongsi kesengsaraan. Kumpulan sokongan terdiri daripada orang-orang yang pernah didera, tetapi berjaya lari dari cengkaman dera.

Khidmat guaman: Membantu untuk member hak yang sepatutnya, menolong mangsa untuk mengfailkan kes mereka untuk mendapatkan hak yang sepatutnya.

Khidmat bantuan bagi orang terpencil: Segala kaunseling, khidmat guaman juga pengangkutan ke CCWRC disediakan.

PENDERAAN DALAMAN

Anda tidak keseorangan!

Anda tidak bersalah!

Anda dapat dibantu!



**Centre County Women's
Resource Center**

140 West Nittany Avenue
State College, PA 16801
(814) 234-5222
Bellefonte: (814) 355-6477

**24 HOUR HOTLINES
234-5050
1-877-234-5050 Toll-Free**

SAFE-PROFESSIONAL-CONFIDENTIAL-
FREE


Fakta-fakta Tentang Penderaan Dalaman

- Penderaan menggunakan senjata seperti kayu adalah contoh yang penderaan yang melibatkan emosi, fizikal atau seksual.
- Walaupun penderaan boleh berlaku dalam mana-mana hubungan, lazimnya ia berlaku terhadap perempuan, dimana lelaki adalah pemangsa.
- Penderaan Dalaman juga boleh berlaku terhadap pasangan sejenis samada gay atau lesbian.
- Penderaan Dalaman adalah penderaan utama yang menyebabkan kecederaan kepada perempuan. Ia menyebabkan kecederaan yang lebih parah berbanding kes rogol.
- Dianggarkan 4 million wanita telah didera oleh pasangan masing-masing di US
- 50% daripada wanita dan kanak-kanak yang tiada tempat tinggal terlibat dalam penderaan dalaman
- 4000 wanita Amerika telah dibunuh dengan kejam oleh pendera mereka setiap tahun
- Terdapat pelbagai factor kenapa wanita masih lagi bertahan dalam perhubungan mereka walaupun didera dengan teruk. Contohnya kerana terlalu bergantung kepada pasangan dari sudut kewangan, tekanan daripada keluarga dan juga perasaan cinta yang masih kuat.

Penderaan Fizikal dan Penderaan Seksual

- Cemburu
- Kekecewaan
- Penderaan Emosi
- Kuasa Ekonomi
- Anak-anak dan orang yang tersayang
- Ketakutan

Senarai di atas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai punca yang pendera gunakan untuk mendapatkan sepenuh hak kuasa terhadap perhubungan mereka.



Adapted from:
Domestic Abuse
Intervention Project
Duluth, MN 218/722-4134

Penderaan Dalaman adalah Salah Disisi Undang-Undang!

Hukuman Jenayah: Jika anda didera, dirogol atau pun dicabul, anda ada hak sepenuhnya untuk menjatuhkan hukuman kepada pendera atau perogol tersebut

Perlindungan Daripada Penderaan (PFAs): PFAs adalah satu badan awam yang menyediakan perlindungan kepada orang yang diancam secara fizikal atau dicabul oleh pasangan dan ahli keluarga.

PFAs lazimnya mengarahkan pendera supaya tidak mendekati mangsa. Antara cara-cara yang digunakan oleh PFAs ialah:

- Mengarahkan pendera meninggalkan rumah mangsa dengan segera
- Memberi hak penjagaan anak-anak sepenuhnya kepada mangsa
- Memberi bantuan kewangan kepada mangsa dan anak-anak mangsa
- Mengarahkan pendera supaya menghapuskan segala senjata yang dimiliki
- Mengarahkan pendera membayar ganti rugi yang telah dilakukan kepada mangsa.

Jika pendera melanggar perjanjian dengan PFA, mereka boleh dipenjarakan selama 6 bulan, dikenakan denda tidak kurang dari \$100 atau tidak lebih dari \$1000.